

## **BAB 4 : RUMUSAN, SARANAN DAN PENUTUP**

### **4.0 PENDAHULUAN**

Di dalam bab ini penulis akan cuba mengemukakan rumusan-rumusan secara umum mengenai keseluruhan aspek perbincangan di dalam kajian ini ataupun rumusan-rumusan khusus mengenai topik-topik yang diperbincangkan. Dengan rumusan-rumusan ini penulis berharap dapat memberi penyelesaian dalam bentuk penjelasan dan penguraian terhadap kecaburan yang timbul di sebalik tindakan-tindakan badan penguat kuasa yang dilihat seolah-olah bertindak tanpa mengikut lunas-lunas Islam. Hasil dari pengkajian penulis terhadap aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, beberapa rumusan boleh diketengahkan seperti perbincangan yang berikutnya.

### **4.1 RUMUSAN**

Setelah membuat perbincangan yang panjang tentang konsep dan perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah*, peranan Institusi *Hisbah* sebagai jentera pentadbiran, perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah* dan juga penganalisisan pemakaian *Siyāsah Syar'iyyah* di Bahagian Penguat kuasa MBSA, maka secara keseluruhannya penulis membawa beberapa rumusan seperti berikut :

#### 4.1.1 Hubungan *Siyāsah Syar'iyyah* Dengan Pemerintahan

##### 1 . Menjamin Kelicinan Pentadbiran

Pemerintahan negara adalah bertujuan untuk menjaga syariat dan tanggungjawab ini merangkumi kewajipan untuk memelihara matlamat dan tujuan yang mahu dicapai oleh syarak di dalam setiap aspek kehidupan dan setiap sistem yang wujud di dalam aktiviti-aktiviti pemerintahan. Atas dasar inilah maka seluruh jentera pentadbiran negara akan memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih berkesan dan memenuhi kehendak syarak. Dengan pengaplikasian *Siyāsah Syar'iyyah* khususnya di dalam aktiviti-aktiviti, pemerintah menjalankan urusan pentadbiran yang selari dengan kehendak dan matlamat syarak iaitu untuk mewujudkan kemaslahatan dan kebajikan kepada rakyat jelata tanpa mengabaikan prinsip-prinsip utama di dalam sistem pemerintahan Islam dengan memastikan keadilan dan mengelakkan kezaliman.

Apabila keadilan ditegakkan dan kezaliman dihindarkan, kesejahteraan rakyat akan sentiasa terjamin. Atas alasan inilah penulis berpendapat bahawa perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah* terutamanya di dalam aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dapat menjamin kelicinan pentadbiran negara kerana *Siyāsah Syar'iyyah* merupakan satu kaedah pentadbiran yang dapat memastikan keadilan ditegakkan dan kezaliman dihindarkan dan seterusnya kesejahteraan dan kebajikan dapat dikekalkan.

## **2. Mengukuh Kestabilan Politik Dan Pemerintahan**

Kestabilan politik sesebuah negara biasanya ditentukan oleh faktor luaran dan dalamannya. Faktor luaran seperti campur tangan asing dan sebagainya. Manakala faktor dalamannya selalunya berhubung kait dengan penerimaan dan tindak balas terhadap corak pemerintahan dan pentadbiran negara. Apabila rakyat tidak berpuas hati dengan gaya kepimpinan dan corak pemerintahan, mereka akan membantah dan mempertikaikan pihak pemerintah. Dalam menyuarakan ketidakpuasan hati mereka, berbagai-bagai langkah dan tindakan yang akan mereka lakukan bagi meluahkan perasaan tersebut. Ini termasuklah tindakan-tindakan diluar batasan undang-undang negara. Sekiranya fenomena ini berlaku kestabilan sesebuah negara akan tergugat. Pihak kerajaan terpaksa menumpukan banyak perhatian untuk membendung keadaan ini dan akibatnya usaha-usaha untuk memaju dan membangunkan negara turut terjejas dan tergendala.

Penulis berpendapat dengan melaksanakan pentadbiran yang berlandaskan kehendak *Siyāsah Syar'iyyah*, segala unsur-unsur yang boleh membawa kepada perasaan tidak puasa hati di kalangan rakyat dapat dikurangkan ke tahap yang paling minimum. Aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan peraturan oleh badan penguat kuasa merupakan salah satu aktiviti pentadbiran yang berkait rapat dengan kehidupan seharian rakyat. Ini sudah tentu memerlukan kepada suatu bentuk tindakan yang boleh diterima oleh mereka dengan hati yang terbuka. Sekiranya rakyat berpuas hati dan dapat menerima segala tindakan pihak berkuasa yang jelas membawa kepada kemaslahatan kepada mereka, sudah tentu rakyat akan turut sama membantu kerajaan bagi melicinkan lagi jentera

pentadbiran dengan menyokong segala usaha dan tindakan kerajaan. Segala bentuk tindakan yang negatif di kalangan rakyat tidak akan berlaku dan kestabilan negara dapat dipertahankan.

### **3. Merupakan Metode Dakwah Di Dalam Sistem Pemerintahan**

Tanggungjawab dan peranan pemerintah melaksanakan tuntutan "*al-Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahyy 'An al-Munkār*" bukan saja dikira dari aspek mencegah segala bentuk kemungkaran yang nyata atau tidak tetapi juga meliputi segala usaha-usaha yang membawa kepada elemen kebaikan dan kesejahteraan. Ini juga dikira sebagai dakwah dalam erti kata yang lebih luas dan menyeluruh. Penguatkuasaan undang-undang yang jelas membawa kebaikan kepada masyarakat juga boleh dianggap sebagai memenuhi tuntutan "*al-Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahyy 'An al-Munkar*" yang ditaklifkan ke atas setiap individu lebih-lebih lagi terhadap pihak pemerintah yang dipertanggungjawabkan mentadbir dan menguruskan segala hal-ehwal rakyatnya. Selain dari penerangan dan dorongan yang boleh mengajak manusia melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahanatan, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan juga boleh menjadi pemangkin yang berkesan ke arah itu.

### **4. Membuktikan Islam Sebagai Satu Cara Hidup**

Sistem politik dan pentadbiran Islam merupakan satu sistem yang menjadi bukti bahawa Islam itu merupakan satu sistem kehidupan (*way of live*) di mana ajarannya bukan sekadar menumpukan kepada persoalan-persoalan *ritual* semata-

mata seperti kebanyakan agama-agama yang ada pada hari ini. Kewujudan jentera-jentera pentadbiran seperti institusi penguat kuasa menjadi pelengkap dan alat yang mengukuhkan lagi perjalanan dan corak pemerintahan yang ideal sebagai mana yang dikehendaki oleh dasar-dasar perundangan Islam seperti yang terkandung di dalam *Maqāsid Syarī'ah*.

#### **4.1.2 Pengaplikasian Asas-Asas *Siyāsah Syarī'iyah* Di Dalam Tindakan Bahagian Penguat kuasa MBSA.**

##### **1. Mewujudkan Kemaslahatan**

Memelihara maslahat sebagaimana yang ditekankan di dalam *Maqāsid Syarī'ah* merupakan satu objektif yang sangat ideal yang membenarkan sebarang tindakan oleh pihak berkuasa selagi mana kemaslahatan yang ingin diwujudkan itu bersifat umum, bukannya khusus untuk individu-individu tertentu. Ini dapat dilihat di sebalik tindakan penguat kuasa MBSA menguatkuasakan peraturan yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan meletak kenderaan, melakukan halangan-halangan dengan membiarkan kenderaan buruk mereka tersadai atau meletak peralatan perniagaan mereka di kaki lima dan berbagai-bagai lagi.

Dalam usaha mewujudkan kemaslahatan kepada penduduk Shah Alam, MBSA telah menguatkuasakan banyak undang-undang, mengenakan berbagai-bagai peraturan dan hukuman dengan memastikan kesulitan dan kesusahan berada di tahap yang paling minimum. Ini dilihat sesuai kehendak agama yang tidak mahu memberatkan penganutnya. Keadaan ini dapat dilihat apabila pihak penguat kuasa mengeluarkan notis-notis amaran terlebih dahulu sebelum sebarang

tindakan yang lebih keras diambil seperti merampas, meroboh dan menyita dilakukan.. Sebagai contoh, sebelum sesuatu kawasan setinggan itu diruntuhkan, pihak penguat kuasa akan mengeluarkan notis yang mencukupi supaya mereka yang terlibat dapat mengosongkan rumah mereka terlebih dahulu bagi memudahkan pihak penguat kuasa melakukan kerja-kerja meroboh dan membersihkan kawasan setinggan tersebut. Sekiranya tiada notis dikeluarkan maka sudah tentu para penduduk setinggan akan mengalami kesulitan untuk berpindah dan menyimpan harta benda mereka akibat kesuntukan masa apabila pihak penguat kuasa datang untuk melakukan kerja-kerja meroboh.

Kemaslahatan yang ingin diwujudkan di sebalik tindakan pihak penguat kuasa adalah kemaslahatan yang hakiki, bukanlah hanya andaian atau harapan semata-mata. Sebagai contoh, langkah penguat kuasa menguatkuasakan peraturan yang berkaitan dengan syarat-syarat iklan ( *signboard* ) seperti penetapan saiz yang tertentu, struktur penyokong dan juga tempat yang khusus bagi memasang iklan tersebut adalah untuk memastikan keselamatan orang ramai atau keselamatan penghuni bangunan itu sendiri. Sekiranya tiada peraturan khusus tentang iklan, para peniaga akan bebas memasang iklan di mana-mana bahagian di premis perniagaan mereka sehinggaakan aspek-aspek keselamatan diabaikan seperti kekukuhan struktur iklan, menghalang saluran udara atau asap keluar dan sebagainya.

## **2. Menghindarkan Kemudaratan Dan Kerosakan**

Setiap perkara yang dilarang oleh syarak sudah semestinya mengandungi kemudaratan dan kerosakan, oleh itu setiap peraturan bukan semata-mata untuk mendatangkan kemaslahatan tetapi juga untuk menolak sebarang bentuk kemudaratan. Justeru itu setiap tindakan manusia yang boleh membawa kepada kerosakan sama ada kepada manusia lain atau alam persekitaran mestilah dihalang walaupun tiada nas yang jelas menyentuh tentang perkara tersebut. Tindakan pihak berkuasa khususnya MBSA menguatkuasakan undang-undang mengenai aspek kebersihan, pencemaran alam sekitar, kawalan terhadap hiburan-hiburan yang merosakkan dan lain-lain merupakan satu tindakan yang cuba menghindarkan kerosakan dan kemudaratan yang diwujudkan oleh manusia.

### **4.1.3 Bentuk-Bentuk Tindakan Penguatkuasaan Oleh Bahagian Penguatkuasa MBSA**

#### **1. Tindakan Berbentuk Pencegahan**

Tindakan berbentuk pencegahan merupakan salah satu tugas utama di dalam institusi *Hisbah* di mana para *Muhtasib* diberi kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana aktiviti mahupun tingkah laku masyarakat yang boleh membawa kepada gejala-gejala mungkar atau mendatangkan kemudaratan kepada orang lain. Tindakan pencegahan ini adalah satu langkah yang amat berkesan bagi membendung berbagai gejala yang tidak sihat. Sekiranya gejala-gejala tersebut dibiarkan berlaku dan kemudian barulah ada usaha-usaha dilakukan untuk

mengatasinya, ianya lebih sukar dan kurang berkesan berbanding dengan langkah-langkah pencegahan yang diambil sejak dari awal lagi.

Sesuatu perbuatan atau tindakan yang dilakukan oleh segelintir rakyat kadangkala boleh mendatangkan kemudaratan kepada mereka sendiri atau orang lain. Perbuatan-perbuatan ini jika tidak dibendung akan mendatangkan kemudaratan yang lebih besar kepada keseluruhan masyarakat. Sebagai contoh, apabila aktiviti-aktiviti permainan video yang mempunyai unsur-unsur perjudian dibiarkan berleluasa, akan mengundang kepada berbagai-bagai gejala lain yang tidak sihat seperti ponteng sekolah, mencuri di kalangan remaja-remaja yang masing bersekolah, budaya melepak dan membuang masa dan banyak lagi. Ini semua akan berlaku akibat pengaruh dari kewujudan mesin-mesin slot yang banyak dan tidak dikawal. Tindakan pihak berkuasa khususnya Bahagian Penguat kuasa MBSA melakukan operasi-operasi merampas dan memusnahkan mesin-mesin slot ini adalah satu usaha pencegahan kepada berbagai-bagai gejala lain yang mungkin akan berlaku. Begitu juga tindakan meroboh kawasan-kawasan setinggan haram adalah untuk mencegah lebih banyak tanah-tanah kerajaan atau persendirian dari terus diceroboh oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

## **2. Tindakan Berbentuk Pendidikan**

Bertepatan dengan kehendak *Siyāsah Syar'iyyah* yang menekankan tentang kemaslahatan kepada seluruh rakyat, tindakan berbentuk pendidikan merupakan satu langkah yang berkesan bagi memastikan kemaslahatan yang ingin dipelihara di dalam kehidupan masyarakat dapat dikekalkan. Semua ini

dapat direalisasikan apabila setiap lapisan masyarakat menyedari tentang kepentingan mematuhi segala peraturan dan undang-undang semasa yang berkuat kuasa.

Tindakan-tindakan Bahagian Penguat kuasa MBSA bermatlamat untuk mendidik masyarakat dapat dilihat di sebalik penguatkuasaan berbagai-bagai undang-undang dan peraturan. Antaranya ialah penguat kuasa peraturan yang berkaitan dengan aspek kebersihan di kalangan pengusaha-pengusaha gerai, restoran, seluruh pengendali makanan dan pesalah-pesalah yang melakukan pencemaran alam sekitar. Tindakan ini dilakukan adalah bertujuan untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan ketika mengendalikan makanan kerana pengabaian terhadap aspek kebersihan akan mengundang kemudaratan kepada pihak lain terutamanya pelanggan mereka. Dengan sebab itulah pihak penguat kuasa akan bertindak terhadap kesalahan-kesalahan yang melanggar peraturan kebersihan dan penjagaan alam sekitar. Dengan menguatkuaskan peraturan-peraturan dengan lebih tegas, lama-kelamaan mereka akan terdidik dengan budaya menjaga kebersihan dan penjagaan alam sekitar.

### **3. Tindakan Berbentuk Hukuman**

Hukuman ialah akibat yang dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Hukuman perlu dikenakan sebagai balasan dari perbuatan mereka. Tindakan penguat kuasa mengenakan kompaun, denda, sita, rampasan dan melakukan pendakwaan di mahkamah merupakan satu bentuk hukuman ke atas

kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan. Ini dianggap wajar kerana kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu ada yang boleh mendatangkan kesusahan, kemudaran dan bahaya kepada orang lain. Sebagai contoh meletak kenderaan sesuka hati dan menghalang kelancaran lalu lintas. Perbuatan ini adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan mementingkan diri sendiri. Begitu juga mereka yang melepaskan sisa-sisa toksik dan berbagai-bagai bentuk pencemaran ke dalam longkang awam yang mengalir ke sungai-sungai. Perbuatan ini jelas mendatangkan bahaya kepada orang ramai dan adalah wajar mereka yang tidak bertanggungjawab ini dikenakan hukuman yang setimpal dengan perbuatan mereka agar ianya menjadi pengajaran kepada mereka yang terlibat.

#### **4. Tindakan Sebagai Peringatan Dan Pengajaran**

Operasi-operasi yang sentiasa dilakukan dari masa ke semasa seperti melakukan serbuan-serbuan, membuat pemeriksaan secara mengejut atau pemeriksaan tahunan dan banyak lagi, bolehlah dianggap sebagai satu bentuk peringatan kepada orang ramai agar mematuhi segala peraturan yang telah dibuat demi kebaikan mereka. Begitu juga tindakan pihak penguat kuasa memusnahkan barang-barang rampasan yang menyalahi peraturan seperti VCD-VCD lucah dan cetak rompak, mesin-mesin slot judi dan lain-lain dengan menjemput pihak media dan orang ramai untuk menyaksikannya adalah satu langkah yang bijak untuk memberi peringatan dan pengajaran kepada pesalah-pesalah lain yang masih belum dikenakan tindakan supaya menghentikan perbuatan mereka bagi mengelakkan kerugian apabila barang mereka dirampas dan dimusnahkan.

#### **4.1.4 Persamaan Antara Bahagian Penguat kuasa MBSA Dengan Institusi *Hisbah***

##### **1. Penggunaan Budi Bicara Di Kalangan Anggota Penguat kuasa**

Penggunaan budi bicara oleh anggota penguat kuasa di dalam menjalankan tugas penguatkuasaan adalah dibenarkan kerana undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa bukanlah sesuatu undang-undang yang digubal berdasarkan nas-nas syarak yang *qat'i*. Undang-undang tersebut hanyalah undang-undang ciptaan manusia yang buat bagi memastikan kesejahteraan hidup manusia berdasarkan pemikiran dan keperluan semasa. Walau bagaimana pun undang-undang tersebut tidaklah bertentangan dengan hukum syarak mahupun roh syariat itu sendiri. Ini terbukti apabila anggota penguat kuasa diberi kuasa untuk menggunakan budi bicara mereka semasa menjalankan tugas penguatkuasaan. Contohnya dalam kesalahan-kesalahan trafik seperti kesalahan meletak kenderaan, kesalahan menjaja di tepi jalan tanpa lesen dan sebagainya. Pesalah-pesalah tersebut kadang-kadang hanya diberi teguran atau amaran lisan sahaja tanpa dikenakan saman atau tindakan rampasan. Ianya bergantung kepada seriusnya kesalahan tersebut mengikut budi bicara anggota yang bertugas.

##### **2. Peringkat-Peringkat Tindakan**

Bagi mengelakkan berlaku ketidakadilan dan penganiayaan ke atas orang ramai, tindakan-tindakan yang diambil oleh anggota penguat kuasa melalui beberapa peringkat seperti memberi notis amaran secara lisan, kemudian secara

bertulis dan sekiranya kesalahan tersebut masih dilakukan kompaun atau saman pula dikeluarkan. Akhir sekali tindakan rampasan atau penyitaan dan diikuti dengan tindakan mahkamah. Tindakan yang diambil ini melalui beberapa peringkat adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada pesalah menghentikan segala perbuatan mereka yang melanggar dan menyalahi peraturan dan undang-undang. Tindakan pihak penguat kuasa ini dilihat hampir menyamai dengan prosedur *Hisbah* (*Ihtisab*) di dalam Islam.

### **3. Skop Penguatkuasaan**

Tugas penguat kuasa yang dilakukan oleh Bahagian Penguat kuasa MBSA merangkumi segala aspek aktiviti penduduk bandar Shah Alam. Ia meliputi aktiviti kehidupan sehari-hari seperti aktiviti-aktiviti sosial, aktiviti-aktiviti perniagaan, pembangunan, perhubungan sesama jiran tetangga dan banyak lagi. Tugas penguatkuasaan yang dilakukan di dalam berbagai bidang ini menunjukkan bahawa peranan dan fungsi pihak berkuasa bukanlah semata-mata bertanggungjawab mengatur pentadbiran berasaskan garis panduan yang telah ditetapkan oleh badan-badan perundangan yang berkaitan tetapi juga memperlihatkan kepada kita bahawa pihak berkuasa mempunyai tanggungjawab yang lebih besar bagi memastikan kesejahteraan rakyat dapat dikekalkan dan seterusnya mandat yang diberikan oleh rakyat untuk mentadbir segala urusan mereka tidak dikhianati. Bidang tugas ini menyamai tanggungjawab *Muhtasib* di dalam Institusi *Hisbah* yang mempunyai bidang kuasa yang luas dan berbagai-bagai.

## 4.2 SARANAN

Berdasarkan kepada penganalisan penulis terhadap perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah* di dalam aktiviti-aktiviti Bahagian Penguat kuasa Jabatan Undang-Undang MBSA, terdapat beberapa saranan yang boleh dikemukakan bagi mengukuhkan lagi pemakaian prinsip-prinsip *Siyāsah Syar'iyyah* di dalam bidang penguatkuasaan khususnya dan seluruh aspek pentadbiran negara amnya. Ini selari dengan pendapat yang mengatakan bahawa kerajaan sekarang menjalankan pemerintahan mengikut kehendak Islam. Antara saranan-saranan yang boleh diketengahkan ialah :

1. Rakyat dan seluruh warganegara mestilah diberikan kefahaman yang jelas mengenai sistem pentadbiran Islam khususnya isu-isu yang berkaitan dengan perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah* agar mereka tidak mudah menerima apa sahaja tindakan yang berteraskan hawa nafsu yang dilakukan oleh pihak pemerintah atas nama Islam kerana ini akan memburukkan lagi tanggapan masyarakat khususnya mereka yang jahil tentang Islam ataupun mereka yang bukan Islam. Kefahaman mengenai isu-isu *siyāsah* boleh diperolehi melalui dialog-dialog yang diadakan di antara pihak-pihak yang berautoriti dengan orang ramai. Seminar-seminar dan forum-forum yang membincangkan isu-isu tersebut hendaklah diadakan dengan lebih kerap lagi. Dewan-dewan orang ramai yang ada di setiap seksyen boleh digunakan untuk mengadakan majlis-majlis penerangan tersebut.

2. Di dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran Islam, perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah* berkait rapat dengan kuasa politik kerana segala penentuan dasar dan polisi ditentukan oleh kuasa politik. Begitu juga dengan pihak berkuasa tempatan yang menjadi sebahagian dari pihak pemerintah, mereka lah yang menggubal segala peraturan-peraturan kecil yang dikuatkuasakan di Majlis-Majlis Perbandaran atau Daerah. Ahli-Ahli Majlis yang bertindak sebagai pembuat dasar perlulah terdiri dari mereka yang memahami *Siyāsah Syar'iyyah* atau sekurang-kurang ada panel penasihat yang terdiri dari kalangan mereka yang berpengetahuan di dalam bidang *Siyāsah Syar'iyyah* yang akan menjadi rujukan sebelum sesuatu peraturan itu dibuat dan diluluskan dan seterusnya dikuatkuasakan. Ini adalah bagi memastikan peraturan dan undang-undang yang berjalan itu benar-benar menepati kehendak *Siyāsah Syar'iyyah* kerana pihak penguasa hanya badan yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan terhadap undang-undang dan peraturan yang digubal dan diluluskan.
  
3. Penulis menyarankan agar pihak yang berkenaan terutamanya penggubal-penggubal polisi di dalam MBSA mengkaji dan menyemak semula dasar-dasar mereka yang dianggap bertentangan dengan kehendak Islam terutamanya yang berkaitan dengan pemberian lesen bagi kedai-kedai yang menjual minuman keras seperti kedai-kedai “7 eleven” dan pasaraya-pasaraya kerana ianya memudahkan bagi orang-orang Islam untuk membeli minuman tersebut. Begitu juga dengan pemberian lesen terhadap pusat-pusat hiburan yang terdapat di dalam kawasan MBSA,

haruslah dikaji semula kerana telah jelas tempat-tempat ini menyumbang kepada keruntuhan moral di kalangan penduduk Shah Alam terutama sekali bagi mereka yang beragama Islam yang menjadi majoriti penduduk Shah Alam.

4. Penulis juga menyarankan agar Pihak Majlis memberikan latihan-latihan yang lebih khusus dan profesional kepada anggota-anggota penguasa supaya mereka dapat memberikan khidmat yang terbaik selaras dengan objektif dan kehendak masyarakat. Sekiranya setiap anggota telah dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran yang mencukupi di samping kefahaman yang mendalam di sebalik bidang tugas mereka, penyelewengan dan salah guna kuasa sewaktu bertugas dapat dielakkan. Masyarakat juga akan sentiasa memberi kerjasama dan menghormati setiap anggota ketika mereka menjalankan tugas walaupun mungkin kecewa apabila dikenakan tindakan oleh pihak penguasa kuasa.
5. Tuntutan kepada perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah* bukan semata-mata di dalam aspek penguatkuasaan tetapi ianya lebih menyeluruh iaitu merangkumi seluruh sistem pentadbiran termasuklah penggubalan undang-undang negara, pemakaian sistem kewangan, polisi-polisi negara dan banyak lagi. Sesebuah negara itu tidak boleh dianggap sebagai Negara Islam sekiranya hanya sebahagian corak pentadbiran sahaja yang menepati kehendak Islam sedangkan yang lain tidak. Percampuran antara nilai-nilai Sekular dan pengambilan *Siyāsah Syar'iyyah* secara *juz i* perlu dielakkan

kerana akan mengelirukan rakyat dan akan menjadi landasan kepada pihak pemerintah untuk mengeksplorasi demi kepentingan peribadi mereka.

#### 4.3 PENUTUP

Pihak pemerintah melalui jentera-jentera pentadbirannya seperti pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab memastikan kehidupan rakyat sentiasa berada dalam keadaan sejahtera dan harmoni. Oleh itu mereka mestilah menggubal dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan bagi mengawal seluruh aktiviti dan perlakuan rakyat agar tidak mendatangkan kesulitan dan kerosakan kepada orang lain. Setiap peraturan yang dibuat atas alasan mewujudkan kebaikan kepada semua pihak atau mengawal tindakan rakyat dari melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kesusahan kepada orang lain adalah selari dengan tuntutan dan matlamat hukum Islam selagi mana tidak bertentangan dengan mana-mana nas yang *qat'i*. Maka tindakan pihak pemerintah tersebut dianggap termasuk di dalam *Siyāsah Syar'iyyah*.

*Siyāsah Syar'iyyah* yang diiktiraf sebagai salah satu metode pentadbiran Islam merupakan satu acuan yang terbaik bagi para pentadbir untuk melakukan sebarang tindakan di dalam urusan pentadbiran negara. Ia boleh dijadikan sebagai satu alat kawalan atau kuasa pemantauan (*monitering power*) terhadap segala tindakan pihak berkuasa agar tidak menyimpang dari ketentuan syarak. Sebagai alat kawalan dan kuasa pemantauan, keanjalan pemakaian *Siyāsah Syar'iyyah* memberikan ruang yang amat luas kepada pihak pemerintah mengatur dan

mentadbir segala urusan rakyat berdasarkan keperluan semasa dan peredaran zaman yang menjadikan keperluan mereka sentiasa berubah-ubah.

Tindakan-tindakan yang diambil dalam urusan penguatkuasaan hanyalah yang berkaitan dengan bidang kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang. Sekiranya tindakan tersebut melangkaui peruntukan undang-undang, tidaklah ia dianggap menepati kehendak *Siyāsah Syar'iyyah* walaupun atas dasar maslahat. Sekiranya pihak penguat kuasa mengambil sesuatu tindakan di luar bidang kuasa undang-undang, tindakan mereka itu dianggap sebagai tidak sah di sisi undang-undang. Tambahan pula kalau keadaan ini dibiarkan berlaku ia akan mendedahkan anggota-anggota penguat kuasa ke arah penyalahgunaan kuasa dan ketidakadilan kepada masyarakat. Dengan sebab itulah Bahagian Penguat kuasa MBSA hanya boleh bertindak berdasarkan peruntukan undang-undang dan Peraturan-Peraturan Kecil yang diluluskan dan berkuat kuasa di dalam kawasan pentadbiran MBSA.

Urusan pentadbiran negara yang menerima pakai *Siyāsah Syar'iyyah* dapat membendung ketidakadilan dan kezaliman yang mungkin boleh berlaku di sebalik berbagai-bagi tindakan pihak berkuasa tanpa disedari oleh mereka. Justeru dengan menjadikan *Siyāsah Syar'iyyah* sebagai neraca, ketidakadilan dan kezaliman dapat dibendung bahkan kemaslahatan yang menjadi matlamat utama pentadbiran negara akan dapat diwujud dan dikekalkan. Sekiranya ini berlaku, kehebatan Islam sebagai satu agama yang mampu menguruskan kehidupan manusia di atas muka bumi akan terserlah dan dikagumi oleh seluruh manusia sama ada mereka yang beragama Islam atau bukan.